

**PERANAN *NERVE CENTRE* DALAM
MENGURUS PANDEMIK COVID-19
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

ZULKIFLI BIN CHE HUSSIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**PERANAN *NERVE CENTRE* DALAM
MENGURUS PANDEMIK COVID-19
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

oleh

ZULKIFLI BIN CHE HUSSIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Ogos 2024

PENGHARGAAN

“ Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani ”.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya yang telah mengurniakan kekuatan, kesihatan, kesungguhan dan semangat untuk tidak berputus asa sehingga berjaya menyiapkan kajian ini. Semoga usaha seperti ini dapat diteruskan dan mendapat keredaan Allah SWT dalam menyumbangkan ilmu kepada masyarakat dan ummah. Setinggi-tinggi keikhlasan penghargaan kepada Profesor Dato' Dr. Sivamurugan Pandian selaku penyelia utama dalam menyiapkan kajian ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan serta sokongan yang tidak pernah putus sepanjang penulisan tesis ini. Hanya Allah SWT yang mampu memberi ganjaran sebaik-baiknya di dunia dan di akhirat bagi pengorbanan dan sumbangan yang telah diberikan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada seluruh pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan atas nasihat dan kritikan yang membina dan memberi pengajaran yang berguna dalam menyiapkan tesis ini. Segala tunjuk ajar pensyarah-pensyarah dan semangat yang diberikan dapat memberi inspirasi dalam menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan istimewa buat isteri tercinta Juma'iyah Binti Salleh yang sentiasa memberi kata semangat dan dorongan yang tidak pernah putus dalam melihat suaminya berjaya di dunia dan di akhirat. Dedikasi khas buat semua ahli keluarga, muslimin dan muslimat, sahabat-sahabat yang memberi bantuan dan kata-kata semangat dalam menyiapkan tesis ini. Jutaan terima kasih kepada semua yang membantu secara langsung dan tidak langsung. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa kalian semua.

Zulkifli Che Hussin

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Pelaksanaan Kerajaan Malaysia.....	4
1.2.2 <i>Nerve Centre</i> Universiti Sains Malaysia	10
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian.....	15
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Definisi Operasional	17
1.6.1 Kepimpinan.....	17
1.6.2 Pengurusan.....	20
1.6.3 <i>Nerve Centre</i>	20
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	21
1.7.1 Batasan Kajian	22
1.7.2 Batasan Analisis Kajian	22
1.8 Kepentingan Kajian	22
1.9 Sumbangan Kajian	23
1.10 Organisasi Tesis	23

1.11	Kesimpulan	24
BAB 2 KAJIAN LEPAS		25
2.1	Pendahuluan.....	25
2.2	Pengurusan COVID-19	25
2.3	Pengurusan COVID-19 Peringkat Global.....	26
2.4	Pengurusan COVID-19 di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Asean.....	31
2.5	Teori Fungsionalisme Struktural.....	39
2.6	Teori Kepimpinan dan Transformasi.....	40
2.7	Kesimpulan	43
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....		44
3.1	Pendahuluan.....	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Pengumpulan Data	45
3.3.1	Pengumpulan Data Sekunder	46
3.3.2	Pengumpulan Data Primer	46
3.3.2(a)	Soal Selidik	46
3.3.2(b)	Persampelan	47
3.3.2(c)	Kaedah Pemilihan Sampel Kajian.....	48
3.3.3	Justifikasi Pemilihan USM sebagai Lokasi Kajian	48
3.3.4	Tatacara Kajian Lapangan.....	49
3.3.4(a)	Kajian Rintis (<i>Pilot Study</i>)	49
3.3.4(b)	Kesahihan Instrumen.....	50
3.3.4(c)	Kebolehpercayaan instrumen	51
3.3.4(d)	Kajian Lapangan Sebenar	51
3.4	Kaedah Penganalisisan Data	52
3.4.1	Penganalisisan Data Sekunder	52
3.4.2	Penganalisisan Data Primer	52

3.5	Rumusan	53
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		54
4.1	Pendahuluan.....	54
4.2	Demografi Responden	55
4.2.1	Jantina.....	55
4.2.2	Umur.....	56
4.2.3	Status.....	57
4.2.4	Taraf Pendidikan Tertinggi.....	58
4.2.5	Pekerjaan	59
4.3	Kesedaran Terhadap Penubuhan <i>Nerve Centre</i>	60
4.3.1	Adakah anda sedar bahawa <i>Nerve Centre</i> telah ditubuhkan di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2019?	60
4.3.2	Adakah fungsi <i>Nerve Centre</i> adalah untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam kampus?	61
4.3.3	Adakah anda faham fungsi sebenar <i>Nerve Centre</i> ?	62
4.3.4	Adakah <i>Nerve Centre</i> merupakan sebuah jabatan yang menguruskan penularan wabak penyakit sahaja?	63
4.3.5	Semua prosedur pengurusan bencana mahupun penularan wabak terletak di bawah tanggungjawab <i>Nerve Centre</i> ?	64
4.4	Skop Bidang <i>Nerve Centre</i>	65
4.4.1	<i>Nerve Centre</i> merupakan salah satu jabatan yang menguruskan pengurusan bencana	65
4.4.2	<i>Nerve Centre</i> mempunyai hirerarki kepimpinan dalam pentadbiran jabatan	66
4.4.3	<i>Nerve Centre</i> mengemaskini pengetahuan semasa berkenaan dengan bencana dan penularan wabak penyakit	67
4.4.4	<i>Nerve Centre</i> mempunyai polisi kualiti bertepatan dengan matlamat jabatan	68
4.4.5	<i>Nerve Centre</i> berperanan mendalami isu-isu semasa berkaitan pengurusan bencana	69
4.5	Pelaksanaan <i>Nerve Centre</i>	70

4.5.1	<i>Nerve Centre</i> menerajui penyediaan perancangan strategik dan sasaran apabila ada isu berkaitan dengan bencana.....	70
4.5.2	<i>Nerve Centre</i> mewujudkan perkongsian tanggungjawab bagi memupuk kesedaran terhadap isu semasa bencana kepada warga USM	71
4.5.3	<i>Nerve Centre</i> menjadi salah satu tempat rujukan apabila warga USM yang mempunyai mengalami bencana	72
4.5.4	<i>Nerve Centre</i> memberi pendedahan kepada warga USM berkenaan pengurusan bencana.....	73
4.5.5	<i>Nerve Centre</i> merupakan pusat pengumpulan bantuan bencana di USM.....	74
4.6	Pengurusan <i>Nerve Centre</i>	75
4.6.1	Keupayaan untuk menguruskan keperluan semasa dan akan datang jabatan serta memastikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai	75
4.6.2	Kemampuan untuk bertindak tepat pada waktunya dengan cara berkesan dan mengambil tindakan pembetulan yang bersesuaian dan mengawal situasi yang menjamin kepentingan semua pihak terpelihara	76
4.6.3	Keupayaan untuk memahami, membantu pelaksanaan dan pematuhan program-program kualiti	77
4.6.4	Keupayaan untuk merancang, membentuk objektif, melatih, menerima dan memberi maklum balas kepada warga USM.....	78
4.6.5	Keupayaan untuk menyampaikan maklumat yang berguna kepada masyarakat dan membuat pemantauan terhadap keperluan dan permintaan masyarakat.....	79
4.6.6	Membuat keputusan dengan mengambil kira kesan terhadap pihak lain	80
4.6.7	Meminta pandangan kakitangan termasuk apabila ingin membuat keputusan yang penting.....	81
4.6.8	Mengambil kira keperluan-keperluan khusus pelbagai pihak apabila melaksanakan tindakan.....	82
4.6.9	Membuat perancangan untuk penambahbaikan.....	83
4.6.10	Mengenalpasti keperluan untuk membuat inovasi bagi menyelesaikan masalah.....	84
4.7	Analisis Deskriptif	85

4.7.1	Analisis Demografi Responden	85
4.7.2	Analisis Kesedaran Terhadap Penubuhan <i>Nerve Centre</i>	86
4.7.3	Analisis Skop Bidang <i>Nerve Centre</i>	88
4.7.4	Analisis Pelaksanaan <i>Nerve Centre</i>	89
4.7.5	Analisis Pengurusan <i>Nerve Centre</i>	91
4.7.6	Analisis Korelasi Dua Variabel (Bivariat)	93
4.7.7	Analisis Korelasi Multivariat	95
4.7.8	Analisis Korelasi Non Parametrik	97
4.7.9	Korelasi Koefisien Kontingensi	98
4.8	Chi Square.....	100
4.9	Ujian T	102
4.10	Penutup	105
BAB 5 PENUTUP		106
5.1	Pengenalan	106
5.2	Hasil Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	106
5.3	Implikasi Kajian Dan Cadangan Dasar	110
5.3.1	Kepimpinan.....	110
5.3.2	Kepimpinan Dalam Pengurusan Universiti	111
5.4	Sumbangan Kajian	112
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	113
5.5.1	Sumber Analisis	113
5.5.2	Skop Kajian.....	113
5.5.3	Kaedah Kajian.....	114
5.5.4	Subjek Kajian.....	114
5.6	Kesimpulan	115
BIBLIOGRFAFI		115
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	16
Jadual 4.1 Kesedaran responden terhadap penubuhan <i>Nerve Centre</i>	60
Jadual 4.2 Kesedaran responden terhadap fungsi <i>Nerve Centre</i>	61
Jadual 4.3 Kefahaman responden terhadap fungsi sebenar <i>Nerve Centre</i>	62
Jadual 4.4 Penerimaan responden terhadap <i>Nerve Centre</i> sebagai jabatan yang menguruskan penularan wabak penyakit sahaja	63
Jadual 4.5 Kefahaman responden atas prosedur pengurusan bencana mahupun penularan wabak terletak di bawah tanggungjawab <i>Nerve Centre</i>	64
Jadual 4.6 Kefahaman responden tentang <i>Nerve Centre</i> sebagai jabatan yang menguruskan pengurusan bencana.....	65
Jadual 4.7 Pengetahuan skop pihak <i>Nerve Centre</i> mempunyai hierarki kepimpinan dalam pentadbiran jabatan	66
Jadual 4.8 <i>Nerve Centre</i> mengemaskini pengetahuan semasa berkaitan dengan bencana dan penularan wabak penyakit	67
Jadual 4.9 Pengetahuan responden dalam mengetahui skop <i>Nerve Centre</i> mempunyai polisi kualiti bertepatan dengan matlamat jabatan	68
Jadual 4.10 Peranan <i>Nerve Centre</i> mendalami isu-isu semasa berkaitan dengan pengurusan bencana	69
Jadual 4.11 <i>Nerve Centre</i> menerajui penyediaan perancangan strategik dan sasaran apabila ada isu berkaitan dengan bencana	70
Jadual 4.12 <i>Nerve Centre</i> mewujudkan perkongsian tanggungjawab bagi memupuk kesedaran terhadap isu semasa bencana kepada warga USM	71
Jadual 4.13 <i>Nerve Centre</i> menjadi salah satu tempat rujukan apabila warga USM yang mempunyai mengalami bencana	72
Jadual 4.14 <i>Nerve Centre</i> sebagai tempat memberi pendedahan kepada warga USM berkenaan pengurusan bencana	73

Jadual 4.15	Peranan Nerve Centre merupakan pusat pengumpulan bantuan bencana di Universiti Sains Malaysia	74
Jadual 4.16	Keupayaan pengurusan <i>Nerve Centre</i> 75	
Jadual 4.17	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam kebolehan untuk bertindak tepat dan berkesan	76
Jadual 4.18	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam keupayaan untuk memahami, membantu pelaksanaan dan pematuhan program-program kualiti	i 77
Jadual 4.19	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam keupayaan untuk merancang, membentuk objektif, melatih, menerima dan memberi maklum balas kepada warga USM.....	78
Jadual 4.20	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam keupayaan untuk menyampaikan maklumat dan membuat pemantauan	79
Jadual 4.21	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam membuat keputusan dengan mengambil kira kesan terhadap pihak lain.....	80
Jadual 4.22	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam meminta pandangan apabila membuat keputusan yang penting.....	81
Jadual 4.23	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam mengambil kira keperluan-keperluan khusus pelbagai pihak apabila melaksanakan tindakan	82
Jadual 4.24	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam membuat perancangan untuk penambahbaikan	83
Jadual 4.25	Pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam mengenalpasti keperluan untuk membuat inovasi bagi menyelesaikan masalah	84
Jadual 4.26	Analisis Demografi Responden.....	85
Jadual 4.27	Analisis Kesedaran Terhadap Penubuhan <i>Nerve Centre</i>	86
Jadual 4.28	Analisis Skop Bidang <i>Nerve Centre</i>	88
Jadual 4.29	Analisis Pelaksanaan <i>Nerve Centre</i>	89
Jadual 4.30	Analisis Pengurusan <i>Nerve Centre</i>	91
Jadual 4.31	Analisis Korelasi Dua Variabel (Bivariat)	93
Jadual 4.32	Jadual Nilai Korelasi Momen Produk “R” Tahap Penting 5% Dan 1%	94
Jadual 4.33	Jadual statistik deskriptif bagi analisis korelasi multivariat	95
Jadual 4.34	Jadual korelasi bagi analisis korelasi multivariat	96

Jadual 4.35	Rumusan analisis korelasi multivariat	97
Jadual 4.36	Analisis Korelasi Non Parametrik	97
Jadual 4.37	Analisis korelasi koefisien kontingensi	98
Jadual 4.38	Analisis Chi Square	101
Jadual 4.39	Analisis Ujian T	102
Jadual 5.1	Deskriptif statistik dan Kolerasi demografi bagi umur dan pekerjaan responden	109

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Jawatankuasa <i>Nerve Centre</i> USM	11
Rajah 4.1 Demografi responden: Jantina	55
Rajah 4.2 Demografi responden: Umur	56
Rajah 4.4 Demografi responden: Taraf Pendidikan Tertinggi.....	58
Rajah 4.5 Demografi responden: Pekerjaan	59

SENARAI SINGKATAN

ARDS	<i>Acute Respiratory Distress Syndrome</i>
CECC	<i>Central Epidemic Command Center</i>
CoV	<i>Novel Corona virus</i>
COVID-19	<i>Corona virus</i>
MER-CoV	<i>Middle East Respiratory Syndrome Related Corona virus</i>
MFDS	Kementerian Keselamatan Makanan dan Dadah
NHCC	<i>National Health Command Center</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SARS	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome Corona virus</i>
SARS-CoV-2	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome Corona virus 2</i>
SOP	Prosedur Operasi Standard
USM	Universiti Sains Malaysia
WHO	World Health Organization

**PERANAN *NERVE CENTRE* DALAM MENGURUS PANDEMIK COVID-19
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

ABSTRAK

Corona Virus 2019 atau lebih dikenali sebagai COVID-19 merupakan perkara yang sering dibincangkan dan diperdebatkan pada masa ini kerana telah menjejaskan keselamatan satu dunia dalam pelbagai aspek. Semua perkara terkesan akibat daripada pandemik ini termasuk juga institusi pendidikan. Di Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengambil inisiatif bagi membendung penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pelajar dan staf dengan menubuhkan *Nerve Centre* atas dasar untuk membantu universiti dalam menangani penularan wabak ini. Di sini merupakan permulaan bagi penyelidik untuk mengkaji pengurusan COVID-19 yang dilaksanakan oleh USM. Terdapat tiga objektif yang perlu dicapai. Pertama, mengkaji jenis kepimpinan pengurusan *Nerve Centre* dalam menangani COVID-19 di USM. Kedua, mengkaji peranan pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19. Ketiga, mengenal pasti cabaran pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19. Data-data yang didapati tersebut kemudiannya dianalisis dengan analisis menggunakan perisian SPSS. Kajian ini menggunakan responden seramai 150 orang dalam kalangan staf dan pelajar Universiti Sains Malaysia bagi mendapatkan data utama berkenaan pengurusan COVID-19 tersebut. Hasilnya, didapati bahawa pengurusan COVID-19 di USM sangat berkesan membantu pengawalan penularan wabak tersebut.

THE NERVE CENTRE ROLE IN MANAGING THE COVID-19 PANDEMIC AT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

ABSTRACT

Corona Virus 2019 or as majority calls COVID-19 is a topic that has always been discussed and debated even until now due to the effects caused by this pandemic on the safety of the nation worldwide in every aspect. Most of the institution and companies were affected including education institution. In Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) has taken the initiative to prevent the spread of this COVID-19 pandemic among students and staff by establishing a special department called Nerve Centre with the objective of helping the university in dealing and handling the pandemic. With the establishment of Nerve Centre, it is the start of the researchers to begin researching on the most suitable ways of COVID-19 management in USM. For that, there are three main objectives that need to be achieved. First, to study the type of leadership needed in terms of Nerve Centre's COVID-19 management in USM. Second, to examine the role of Nerve Centre in USM in dealing with COVID-19 pandemic. Third, to identify the challenges faced by Nerve Centre in controlling and overcoming COVID-19 pandemic in USM. All of the data that has been collected later on will be analyzed using SPSS software. This study will be needing an amount of 150 respondents among Universiti Sains Malaysia's staffs and students to obtain the key data regarding COVID-19 management in USM. As a result, it was found that the COVID-19 management at USM by Nerve Centre was very effective in controlling the spread of the said pandemic.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

COVID-19 merupakan jangkitan akibat virus *novel corona virus* (CoV) yang dinamakan sebagai *severe acute respiratory syndrome corona virus 2* (SARS-CoV-2) dan secara spesifik virus ini dikenali sebagai 2019 nCoV. Gangguan saluran pernafasan merupakan antara gejala yang jelas apabila seseorang itu dijangkiti oleh COVID-19 dan virus ini dikatakan bermula daripada haiwan serta berevolusi hingga mampu menjangkiti manusia. Jangkitan virus ini boleh mengakibatkan radang paru-paru (pneumonia) yang teruk daripada spektrum gejala selsema biasa. Kesan paling teruk penyakit ini ialah kematian akibat kegagalan multi organ termasuk kecederaan jantung, hati atau ginjal dan kegagalan pernafasan mahupun ARDS (*Acute Respiratory Distress Syndrome*) iaitu sindrom gangguan pernafasan akut, kejutan septik, serta *thromboembolism*.

Sebelum wabak penyakit virus *novel corona virus* (COVID-19), beberapa jenis corona virus telah muncul di seluruh dunia termasuklah *Severe Acute Respiratory Syndrome Corona virus* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrome Related Corona virus* (MER-CoV). Walau bagaimanapun, COVID-19 adalah corona virus yang mempunyai kesan paling dasyat terhadap sistem kesihatan global sejak tahun 2019 hingga kini. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengumumkan bahawa Wuhan menjadi titik permulaan wabak corona virus baharu di wilayah Hubei, China pada 31 Disember 2019. Haiwan liar seperti ular, kelawar dan tenggiling punca virus tersebut kerana masyarakat Cina melakukan aktiviti jual beli haiwan tersebut sebagai sumber makanan eksotik. Haiwan liar tersebut dijadikan makanan oleh masyarakat

China menjadi punca utama merebaknya virus ini. Tanpa mengira batasan masa dan sempadan, virus tersebut merebak pantas dari China ke seluruh dunia. Kemudian, 30 Januari 2020 *World Health Organisation* (WHO) mengisytiharkan situasi darurat kesihatan global untuk menghentikan penyebaran novel corona virus di seluruh negara. WHO juga mengisytiharkan jangkitan corona virus baharu sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020, dan telah dilaporkan bahawa jumlah kematian akibat jangkitan corona virus baharu itu telah mencecah 2.1 juta di seluruh dunia setakat ini.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan dalam tempoh tiga minggu jangkitan novel corona virus mulai dikesan dari China, dimana kes pertama disahkan di Wuhan, wilayah Hubei, China pada 7 Januari 2020, dan kemudian merebak di Thailand, Nepal dan Amerika Syarikat, Korea Selatan, Perancis, Singapura, Vietnam sehingga merebak ke Malaysia. Kes pertama jangkitan virus yang berlaku di Malaysia disahkan pada 25 Januari 2020 (CPRC, KKM: , 17 Februari 2020). Razak (2020) juga menjelaskan bahawa jangkitan novel corona virus bermula semasa peringkat epidemik dan merebak secara tidak terkawal di seluruh negara dalam tempoh yang singkat hingga banyak nyawa terkorban. Isu pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang sangat serius terhadap kehidupan seharian rakyat di seluruh negara, termasuk Malaysia. Malah, wabak itu turut menjejaskan sumber ekonomi negara, kerana pendapatan per kapita rakyat Malaysia telah menurun semasa dan selepas fasa penularan pandemik COVID-19 yang teruk.

Tambahan pula, pandemik ini telah memberi impak negatif yang serius terhadap masyarakat, termasuklah Malaysia dari segi kesihatan, sosial dan ekonomi. Maka, Malaysia seterusnya melaksanakan usaha mencegah penularan wabak itu daripada menjadi di luar kawalan dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Peraturan yang mesti dipatuhi oleh rakyat Malaysia semasa pelaksanaan PKP

termasuk tinggal duduk di rumah, menggalakkan orang ramai kerja dari rumah, pergerakan di luar rumah terhad, memakai pelitup muka dan mulut di tempat awam yang sesak, kerap mencuci tangan, termasuk mengekalkan penjarakan sosial di tempat awam yang sesak. Cabaran menyekat masyarakat Malaysia daripada menjalankan aktiviti harian seperti biasa adalah antara isu yang mendapat perhatian di tempoh penularan jangkitan novel corona virus.

Tindakan yang telah disusahakan di peringkat kerajaan Malaysia adalah untuk mengatasi penularan wabak ini menjadi lebih parah hingga tidak terkawal. Langkah awal kerajaan ini adalah untuk memastikan keseluruhan kebajikan dan sosial rakyat terjaga dengan baik dan dapat memutuskan penularan wabak tersebut. Namun, kajian ini berhasrat untuk mengkaji pelaksanaan pengurusan COVID-19 bagi peringkat universiti iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah melaksanakan pengurusan COVID-19 sejak awal pihak kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. USM juga mengambil inisiatifnya sendiri untuk menubuhkan satu organisasi yang dikenali sebagai *Nerve Centre* bagi menguruskan segala isu berkaitan COVID-19 di USM bagi mencapai SDG 3 iaitu bertujuan untuk mengelakkan penderitaan daripada penyakit yang boleh dicegah dengan memberi tumpuan kepada sasaran utama yang meningkatkan kesihatan keseluruhan penduduk negara dan juga SDG 16 yang menggalakkan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini membincangkan strategi pelaksanaan bagi peringkat kerajaan untuk menangani COVID-19 dan perbincangan dalam pelaksanaan pengurusan COVID-19 di USM.

1.2.1 Pelaksanaan Kerajaan Malaysia

Di Malaysia, gelombang pertama jangkitan corona virus bermula dari 2 Januari 2020 hingga 15 Februari 2020. Sebagai tindak balas terhadap penularan wabak ini, kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah kecemasan termasuk mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). "Hanya tiga bulan selepas kes pertama dilaporkan, banyak negara, termasuk Malaysia, mengarahkan sekatan. Kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan pertama pada 16 Mac 2020, dengan lanjutan yang diumumkan" (Jafri Malin et. al., 2020). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab melaksanakan pendekatan sistem kesihatan awam Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19. Sementara itu, penguatkuasaan kawal selia terletak di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN). Undang-undang dan peraturan untuk memerangi wabak COVID-19 akan dilaksanakan secara bersepadu yang melibatkan Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia. Oleh itu, rakyat Malaysia dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan kegagalan mematuhi peraturan ini boleh mengakibatkan denda RM1,000.00 dan penjara sehingga 6 bulan di bawah Kanun Keseksaan. Kenyataan ini dikeluarkan dan dibentangkan oleh kerajaan khususnya daripada Pejabat Peguam Negara.

Di samping itu, wabak yang merebak secara kolektif dalam kawasan dipanggil "Kluster" contohnya, Kluster Penjara, Kluster Tabligh, Kluster Gereja, Kluster Sivaganga, dan sebagainya. Kementerian Kesihatan Malaysia juga mengambil maklum pendapat umum mengenai konsep yang digunakan untuk menentukan nama kluster COVID-19. Maka, nama kluster ditentukan berdasarkan latar belakang kes indeks kluster, nama bangunan, taman atau jalan di mana kes indeks terletak. Hal ini bagi memastikan komunikasi berkesan antara pihak berkepentingan seperti polis, bomba, dan tentera, serta mengelakkan penularan kluster ke kawasan sekitar (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Pandemik penyakit corona virus (COVID-19) di Malaysia bermula apabila sekumpulan pelancong antarabangsa memasuki sempadan Malaysia melalui Singapura. Walaupun terdapat tekanan awam terhadap kerajaan Malaysia untuk menyekat kemasukan pelancong asing, tiada sekatan ke atas kemasukan golongan ini ke Malaysia pada masa itu kerana tiada wabak penyakit berjangkit yang serius. Ini kerana jumlah kes COVID-19 di Malaysia masih di tahap rendah dengan kebanyakannya melibatkan warga asing tetapi sekitar Mac 2020, wabak kluster besar iaitu "Kluster Jemaah Tabligh" muncul. Rentetan itu, jumlah jangkitan corona virus baharu dilaporkan meningkat secara mendadak. Menurut keratan akhbar Berita Harian Online (12 Mac 2020), kluster itu mengadakan upacara keagamaan di Sri Petaling pada 28 Februari hingga 1 Mac 2020 telah menarik kehadiran ramai orang ramai terutamanya golongan ahli tahfiz dari setiap negeri. Dianggarkan seramai 10,000 jemaah dari pelbagai negara menyertai upacara keagamaan ini (Berita Harian Online, 12 Mac 2020). Kemunculan kluster ini menandakan fasa permulaan peningkatan secara mendadak kes COVID-19 di Malaysia yang sukar dikawal.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata jumlah jangkitan corona virus di kluster Jemaah Tabligh meningkat secara mendadak 3,347 kes dilaporkan daripada 2,375 kes yang dilaporkan sebelum ini. Maka, kluster dan sub-kluster Seri Petaling, merupakan penyumbang kepada 48% daripada semua jangkitan COVID-19 di Malaysia (Berita Harian Online, Mei 2020).

Kenaikan secara mendadak kes positif berikutan kemunculan sub-kluster Seri-Petaling yang kebanyakannya didatangi oleh ahli pusat Tahfiz di seluruh negara. Malah, kluster ini dianggap sebagai kluster aktif terbesar dan jangka masa panjang di Malaysia. Kluster ini juga diisytiharkan tamat pada 8 Julai 2020, iaitu 28 hari selepas sejumlah 3,375 kes dikesan manakala pesakit terakhir dari kluster ini yang sembuh meninggalkan hospital pada 6 Julai selepas empat bulan menjalani rawatan (Malaysiakini, 2021).

Sejak 7 Mac 2020, jumlah wabak penyakit corona virus baharu (COVID-19) mengalami peningkatan dengan ketara, dan pada 16 Mac 2020, jumlah kes positif yang dilaporkan meningkat dengan ketara. Rentetan peningkatan tersebut, Muhiddin Bin Haji Muhammad Yassin, Perdana Menteri Malaysia memutuskan untuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari (18 Mac hingga 31 Mac 2020). Matlamatnya adalah untuk memutuskan rantaian wabak corona virus di Malaysia. Sejak 18 Mac 2020, kerajaan Malaysia melaksanakan sekatan terhadap pergerakan orang ramai dari satu wilayah ke wilayah lain terutamanya dari zon merah dimana banyak kes positif dikesan. Pada waktu itu juga hanya seorang ahli keluarga sahaja dibenarkan untuk pergi membeli-belah barangan keperluan harian.

Malaysia berjaya mengawal jumlah kes positif COVID-19 dari awal hingga pertengahan 2020 sehingga awal September 2020. Selepas keputusan kerajaan

mengadakan pilihan raya negeri Sabah pada 26 September 2020, jumlah kes positif COVID-19 meningkat semula dan kerajaan kembali mengenakan sekatan pergerakan kerana perlu menangani terlalu banyak kes. Setakat ini, jumlah kes positif jangkitan corona virus baharu adalah antara 3,000 dan 4,000 sehari. Sehingga 16 Februari 2021, seramai 2,720 orang telah diuji positif untuk corona virus baharu.

Pelaksanaan PKP di Malaysia dapat menangani isu penularan COVID-19 dan memutuskan rantai sepenuhnya dalam Malaysia. Hal ini demikian kerana apabila Malaysia memasuki peringkat pertengahan PKP, PKP mampu mengawal pergerakan orang ramai dengan mengarahkan mereka untuk duduk di rumah dan bertenang pada setiap masa bagi mengelakkan kluster baharu terbentuk. Tambahan pula, kita tidak boleh mengambil risiko meningkatkan penularan COVID-19 ke tahap yang sukar untuk dikawal. Salah satu punca jangkitan yang paling biasa ialah pendedahan kepada virus melalui perhimpunan di tempat awam misalnya, peristiwa perhimpunan di Masjid Sri Petaling, di mana kluster Tabligh muncul. Kluster ini mempunyai jumlah jangkitan tertinggi iaitu 3,375 orang dan seramai 42,023 orang dalam siasatan (Hidayah Hairom, 2020). Oleh itu, mana-mana pelaksanaan PKP yang diperkenalkan mesti dapat mengelakkan jangkitan berskala besar atau mendadak sejak pelaksanaannya dalam Fasa 1. PKP juga boleh memutuskan rantai positif jangkitan COVID-19 dalam masyarakat Malaysia dengan sentiasa berada di rumah dan tidak meninggalkan kawasan kediaman mereka sehingga tamat pelaksanaan PKP.

Seterusnya, PKP Malaysia membantu kerajaan dalam memerangi penularan COVID-19 dan memastikan proses penyembuhan pesakit COVID-19 dipermudahkan oleh pihak berkuasa kesihatan. Ini kerana bilangan pesakit di hospital selepas PKP di

Malaysia telah menurun berbanding peringkat sebelum PKP. Ini akan menghalang rakyat Malaysia daripada bergerak bebas, mengurangkan bilangan kluster baharu, dan membolehkan pihak berkuasa kesihatan merawat pesakit sedia ada dengan lebih teliti di hospital. Langkah-langkah untuk mempercepatkan pemulihan daripada pandemik COVID-19 dan mencegah penularan COVID-19 di kalangan penduduk. Selepas PKP dikuatkuasakan, apabila bilangan kes positif COVID-19 berkurangan, pekerja kesihatan memutuskan untuk menggunakan ubat gabungan tocilizumab, klorokuin dan lopinavir/ritonavir, yang telah terbukti berkesan dalam merawat pesakit positif. Ia kini telah menjadi mungkin untuk mencuba pelbagai vaksin dan ubat sedia ada. Mengenai COVID-19 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Pengambilan vaksin dan rawatan ini juga akan meningkatkan kadar pemulihan statistik pesakit COVID-19 di Malaysia. Sehingga 1 Mei 2020, kadar pemulihan ialah 4,210 orang, mewakili 69% daripada 6,071 kes keseluruhan. Sebaliknya, 20 pesakit telah pulih daripada 8.24% dimana ia merekodkan 728 kes setakat 18 Mac 2020 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Oleh itu, pelaksanaan PKP di Malaysia menggalakkan proses penyembuhan pesakit COVID-19 oleh pegawai kesihatan dijalankan dengan lebih baik di hospital. Malah jumlah kes sembuh ketara naik hari demi hari untuk menghentikan penularan COVID-19 menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan Di Malaysia.

Selain itu, PKP untuk menjalankan ujian saringan kesihatan komuniti yang komprehensif akan membantu kerajaan membendung penularan COVID-19 di Malaysia. Bagi merawat orang yang disyaki menghidap COVID-19 dan memastikan tiada kes baharu timbul, Kementerian Kesihatan telah mengesahkan bahawa semua orang yang tinggal di zon pengecualian disaring, diuji, dikenal pasti dan dilepaskan daripada akses awam serta diasingkan bagi memutuskan rantaian jangkitan corona virus baharu (Dr.Noor Hisham, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia).

Kaedah ini dapat mengesan jangkitan terhadap pesakit COVID-19 dengan lebih berkesan dan merawat pesakit yang dikesan dengan cepat untuk mengurangkan kesan jangkitan yang lebih serius. Sebagai contoh, kawasan yang dikenakan sekatan termasuk Kluang, Johor dan Hulu Langat, Selangor. Hal ini demikian kerana kawasan-kawasan ini akan menjadi “*hotspot*” wabak COVID-19 semasa pelaksanaan PKP fasa pertama. Pemeriksaan kesihatan giat dijalankan di kawasan tersebut untuk mengesan pesakit COVID-19. Hal ini bermakna pesakit positif COVID-19 boleh dirawat dengan cepat dan sewajarnya. Pelaksanaan ujian saringan COVID-19 menunjukkan berlakunya penurunan kes positif COVID-19 di rantau ini misalnya, kawasan “*hotspot*” iaitu Hulu Langat dan Kluang melaporkan penurunan daripada 477 kepada 62 kes setakat 30 April 2020. Jumlah kes aktif di negara ini telah menurun daripada 222 kepada 77 pada tahun 2021 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Oleh itu, pelaksanaan PKP di Malaysia akan membolehkan Kementerian Kesihatan menjalankan ujian saringan kesihatan dengan lebih agresif terutama di kawasan “*hotspot*” bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 yang lebih teruk di Malaysia.

Di samping itu, tindakan tegas terhadap penduduk yang melanggar peraturan dan undang-undang PKP juga akan membantu kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Malah, tindakan undang-undang yang tegas akan diambil di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342. Pesalah akan dihukum denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Akta ini akan menakutkan orang ramai terutamanya golongan muda untuk melanggar peraturan dan undang-undang PKP bahkan membantu kerajaan memutuskan rantaian COVID-19. Golongan ini adalah antara yang paling banyak ditangkap oleh polis dan agensi pertahanan lain semasa PKP

di Malaysia. Tambahan lagi, masa depan mereka juga akan terjejas kerana mereka telah melakukan jenayah dan akibatnya nama mereka dimasukkan ke dalam sistem Polis Diraja Malaysia (PDRM). Disebabkan itu golongan ini takut untuk meninggalkan rumah kerana takut mencemarkan nama sendiri dan menyusahkan hidup mereka di masa hadapan kelak. Oleh itu, adalah jelas bahawa penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan ketat terhadap pesalah yang melanggar peraturan PKP telah menyebabkan orang ramai takut untuk keluar dari rumah mereka apabila tiada urusan penting. Pada masa yang sama, langkah ini membantu kerajaan untuk menangani penularan COVID-19 di Malaysia.


Secara keseluruhannya, pelaksanaan PKP di Malaysia telah banyak membantu kerajaan Malaysia dalam menguruskan penularan COVID-19. Sehingga 1 Mei 2020, mengikut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, daripada sejumlah 6,071 kes positif COVID-19, 4,210 (69%) telah pulih, dan sejumlah 1,758 kes aktif. Ini menunjukkan usaha kerajaan membendung penularan wabak itu berjaya mengurangkan jumlah kes positif dan meningkatkan kadar pemulihan di Malaysia dalam tempoh sebulan sahaja. Oleh itu, rakyat disyorkan untuk tidak keluar tanpa kepentingan dan mengamalkan penjarakkan sosial bukan demi mana-mana parti politik, tetapi demi diri sendiri, keluarga, komuniti dan negara untuk membantu Malaysia memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Sama-samalah kita bekerjasama memutuskan rantaian ini agar kita dapat meneruskan kehidupan seperti dahulu.

1.2.2 *Nerve Centre* Universiti Sains Malaysia

Nerve Centre adalah satu badan khusus yang ditubuhkan dan dirancang untuk merancang, mengendalikan dan memantau keadaan semasa berkaitan dengan pandemik

Corona virus (COVID-19) dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Nerve Centre* yang diketuai oleh Naib Canselor USM ketika itu Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kebajikan staf dan juga kebajikan pelajar yang masing-masing diuruskan oleh Dato' Dr. Musa Ali (Pendaftar USM) dan Profesor Dato' Dr. Aldrin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) seperti Rajah 1.1 di bawah.

Rajah 1.1 Jawatankuasa *Nerve Centre* USM



Sumber: *Nerve Centre USM*.

Peranan *Nerve Centre* juga meliputi penyebaran dan pengendalian maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan rancangan yang memerlukan pemantauan

berterusan. *Nerve Centre* juga dapat digunakan sebagai tempat komunikasi, operasi harian, mengadakan sesi sumbang saran, perbincangan, mempamerkan dan menempatkan semua sumber atau rujukan yang berkaitan dengan COVID-19. *Nerve Centre* adalah nukleus dan kekuatan pendorong di mana semua maklumat diterima, dikumpulkan, diproses, dianalisis dan disampaikan kepada portfolio yang berkaitan untuk tindakan yang sesuai. Oleh kerana sifat dan fungsinya, *Nerve Centre* adalah kawasan yang SULIT dan DIKAWAL. Mana-mana orang yang tidak berkaitan dilarang memasuki kawasan/bilik. Semua kakitangan mesti menjalani pemeriksaan awal, bersumpah untuk merahsiakan dan diberikan Pas Khas. *Nerve Centre* berada di bawah pengawasan Pegawai Keselamatan Universiti 24/7 untuk mencegah masalah yang tidak dijangka yang mungkin timbul.

Nerve Centre menjadi satu pusat yang bertujuan menguruskan pengemaskinian data harian staf USM yang bertugas sepanjang COVID-19 dan pelajar yang masih berada di desasiswa atau sekitar universiti merangkumi pelajar tempatan dan antarabangsa. Selain itu, peranan lain juga adalah menyediakan laporan harian berkenaan status COVID-19 kepada ketua *Nerve Centre* supaya laporan tersebut dapat dibentangkan dalam mesyuarat ahli jawatankuasa yang lebih tinggi.

Pihak *Nerve Centre* menerima sumbangan daripada pelbagai pihak seperti agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk seperti pelitup muka, sanitizer, biskut kering, gula, susu dan sebagainya. Pihak *Nerve Centre* akan merekod setiap sumbangan yang disampaikan oleh penyumbang dalam sistem data yang teratur dan sistematik untuk tujuan rekod dan audit.

Peranan *Nerve Centre* adalah secara menyeluruh dengan menjaga kebajikan kesemua warga USM dari sudut golongan yang terjejas akibat daripada pandemik ini sama ada staf mahupun pelajar. Dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), *Nerve Centre* melaksanakan pengagihan secara berkumpulan kepada golongan yang disasarkan supaya dapat membantu serba sedikit kekurangan semasa pandemik.

1.3 Pernyataan Masalah

Keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan komuniti universiti adalah tanggungjawab utama semua majikan dan institusi pengajian tinggi. Tanggungjawab ini keutamaan undang-undang dan mesti dipatuhi mengikut peraturan dan undang-undang IPT. Sehubungan itu, Universiti Sains Malaysia (USM) akan sentiasa mengutamakan tiga aspek tersebut bagi warga kampus serta memastikan urus tadbir yang sensitif pada setiap masa semasa kecemasan dan bencana berlaku. Pendekatan pengurusan risiko sistemik telah menjadi amalan utama USM untuk memutuskan rantaian COVID-19 (Drucker, 2017).

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa dalam Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), USM telah membangunkan aplikasi pengurusan risiko berasaskan web baharu, Sistem Maklumat Penilaian Kesihatan Rapid (rHAIS). Aplikasi ini tersedia untuk semua kakitangan dan pelajar USM, serta semua komuniti kampus USM di Nibong Tebal dan Kubang Kerian. Kesemua tindakan yang dilakukan oleh pelajar boleh dipantau melalui aplikasi tersebut. Melalui aplikasi ini, tahap risiko warga USM berhubung penularan COVID-19 boleh dipantau pada bila-bila masa. Inisiatif ini adalah hasil usaha bersama antara *Nerve Centre*, Pusat Sejahtera, Kementerian Keselamatan, dan Pusat Ilmu Komunikasi dan Teknologi. Aplikasi ini membolehkan

kita untuk memantau status kesihatan dan lokasi kakitangan dan pelajar USM di kampus 24 jam.

Laporan Pengurusan Risiko COVID-19 akan dibentangkan setiap hari di mesyuarat kakitangan Nerve Centre. Hasil analisis menunjukkan tahap risiko yang dihadapi oleh setiap penduduk kampus dan membantu universiti merangka strategi mitigasi risiko yang bersesuaian. Nerve Centre adalah pusat yang mengelola status data harian untuk kakitangan USM yang bekerja sepanjang pandemik COVID-19 dan pelajar yang masih duduk di dalam desasiswa dan kekal di kampus (baik pelajar tempatan dan antarabangsa). Di samping itu, terdapat satu lagi tugas Nerve Centre iaitu menyerahkan laporan harian tentang situasi COVID-19 kepada Pengarah Nerve Centre untuk dibentangkan pada mesyuarat dengan ahli jawatankuasa kanan universiti.

Jawatankuasa Nerve Centre USM sentiasa berusaha memastikan tahap risiko terhadap COVID-19 warga kampus kekal rendah. Mengekalkan tahap risiko yang rendah adalah penting untuk meneruskan operasi universiti dalam norma baharu dalam tempoh pelaksanaan PKP. Pengurusan risiko yang dirancang dan berstruktur dari awal akan membolehkan langkah segera dan berkesan dirangka serta diambil untuk menangani penularan wabak COVID-19 di dalam kampus secara menyeluruh. Jawatankuasa Nerve Centre USM komited untuk memastikan risiko COVID-19 kepada warga kampus kekal rendah. Penting bagi pihak universiti untuk menurunkan tahap berisiko rendah supaya aktiviti universiti dapat dijalankan seiring norma hidup baharu sepanjang pandemik COVID-19. Pengurusan risiko yang dirancang dengan teratur dari awal akan memudahkan seluruh kampus mengambil langkah segera dan berkesan untuk menangani wabak COVID-19 di USM.

Berdasarkan huraian di atas, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pengurusan COVID-19 yang boleh diperincikan bagi perkongsian bersama pihak pengurusan pengajian tinggi mahupun universiti sebagai salah satu inisiatif dalam kawalan pergerakan kakitangan dan pelajar serta mengawal penularan jangkitan COVID-19 secara menyeluruh untuk warga universiti.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis kepimpinan dalam pengurusan: satu kajian ke atas *Nerve Centre* Universiti Sains Malaysia.

Objektif kajian ini secara khususnya adalah seperti berikut :-

- i. Mengkaji jenis kepimpinan pengurusan *Nerve Centre* dalam menangani COVID-19 di USM.
- ii. Mengkaji peranan pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19.
- iii. Mengenal pasti cabaran pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, maka kajian ini meneliti persoalan-persoalan seperti berikut:-

- i. Apakah jenis kepimpinan pengurusan *Nerve Centre* dalam menangani COVID-19 di USM?

- ii. Bagaimanakah peranan pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19?
- iii. Apakah cabaran peranan pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19?

Secara ringkasnya, objektif dan persoalan kajian bagi disertasi ini dirumuskan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1. Mengkaji jenis kepimpinan pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam menangani COVID-19 di USM.	i. Apakah jenis kepimpinan pengurusan <i>Nerve Centre</i> dalam menangani COVID-19 di USM?
2. Mengkaji peranan pengurusan <i>Nerve Centre</i> di USM bagi menangani COVID-19.	ii. Bagaimanakah peranan pengurusan <i>Nerve Centre</i> di USM bagi menangani COVID-19?
3. Mengenal pasti cabaran pengurusan <i>Nerve Centre</i> di USM bagi menangani COVID-19.	iii. Apakah cabaran peranan pengurusan <i>Nerve Centre</i> di USM bagi menangani COVID-19?

Jadual 1.1 menunjukkan ringkasan objektif kajian dan persoalan kajian. Objektif kajian pertama ialah mengkaji jenis kepimpinan pengurusan *Nerve Centre* dalam menangani COVID-19 di USM. Objektif pertama ini mempunyai satu persoalan kajian iaitu apakah jenis kepimpinan pengurusan *Nerve Centre* dalam menangani COVID-19 di USM? Objektif kajian yang kedua ialah mengkaji peranan pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19. Objektif kedua mempunyai satu persoalan kajian iaitu bagaimanakah peranan pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19? Objektif kajian yang ketiga ialah Mengenal pasti cabaran pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19. Bagi objektif ini juga

mempunyai satu persoalan kajian iaitu Apakah cabaran peranan pengurusan *Nerve Centre* di USM bagi menangani COVID-19? Kajian ini akan memenuhi objektif kajian yang telah dijalankan.

1.6 Definisi Operasional

Terdapat tiga kata kunci utama dalam kajian ini yang dipersoalkan iaitu kepimpinan, pengurusan dan *Nerve Centre* USM. Kata-kata kunci inilah yang akan dibincangkan dalam bahagian ini dan bertujuan untuk menjelaskan maksud yang digunakan dalam kajian ini

1.6.1 Kepimpinan

Kepimpinan ditakrifkan berdasarkan pandangan yang berbeza oleh pengkaji kepimpinan, bergantung kepada fokus setiap kajian (Yukl 1998; Hughes, Ginnet & Curphy 1999; Winston & Patterson 2006; Lussier & Achua 2007; Northouse 2009). Hal ini membawa kepada fakta bahawa terdapat konsep yang berbeza-beza tentang tujuan kepimpinan. Winston dan Patterson (2006) mengenalpasti lebih daripada 90 pembolehubah atau dimensi yang boleh digunakan untuk memahami tujuan kepimpinan, berdasarkan perspektif pengkaji kepimpinan dan bukannya daripada sudut pelbagai disiplin. Kepimpinan ialah keupayaan untuk menyokong, mengambil risiko, proaktif, sentiasa bersedia, memupuk kerjasama, berpengaruh, kreatif, inovatif, berorientasikan matlamat dan kemanusiaan. Oleh itu, walaupun terdapat pelbagai dimensi untuk memahami konteks kepimpinan, terdapat beberapa persamaan yang sering digunakan oleh penyelidik untuk menentukan konteks kepimpinan.

Menurut Northouse (2009), terdapat lima dimensi untuk menjelaskan konsep kepimpinan.

- i. Berkaitan ciri-ciri pribadi pemimpin, terdapat sokongan kepada pandangan bahawa pemimpin dilahirkan (sifat semula jadi) dan bukan dibentuk (diasuh). Kenyataan ini merujuk kepada pemimpin yang mempunyai ciri-ciri tertentu, seperti: Contoh: keyakinan diri yang tinggi, bijak membuat keputusan, pemahaman yang baik.
- ii. Keupayaan semula jadi untuk memimpin boleh dibandingkan dengan satu bentuk kecekapan yang berdasarkan pandangan pertama tadi. Namun, ada yang berpendapat bahawa kemahiran kepimpinan juga boleh dikembangkan melalui latihan.
- iii. Satu bentuk kemahiran yang dilihat sebagai keupayaan yang boleh dibina untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi. Kepimpinan membantu memberi lebih ramai orang peluang untuk menjadi pemimpin melalui pembelajaran dan latihan.
- iv. Merujuk kepada tingkah laku yang menonjolkan jenis tingkah laku utama dalam orientasi tugas seorang pemimpin (berorientasikan tugas dan berorientasikan rakyat).
- v. Berkaitan perhubungan di mana kepimpinan ditakrifkan dari segi komunikasi dua hala antara pemimpin dan pengikutnya. Oleh itu, tindakan seseorang pemimpin mempengaruhi orang bawahan dan sebaliknya.

Seterusnya, Lussier dan Achua (2007) pula mendefinisikan kepimpinan dari segi lima dimensi iaitu pengaruh, matlamat organisasi, hubungan pemimpin-pengikut, perubahan, dan hubungan dengan masyarakat umum. Tambahan pula, mereka

mencadangkan tiga kategori peranan kepimpinan dalam pelaksanaan tugas kepimpinan.

- i. Hubungan interpersonal merangkumi peranan ketua organisasi dalam memberikan arahan, latihan, dan menilai prestasi pekerja bawahannya. Selain itu, peranan interpersonal pemimpin adalah untuk mewakili organisasi apabila dijemput ke acara formal dan tidak formal, mengetuai mesyuarat dan menjadi pengantara dengan rangkaian organisasi luar.
- ii. Sebagai informasi atau maklumat iaitu pemantauan dan penapisan segala maklumat yang diterima oleh organisasi dan penyebaran maklumat tersebut kepada orang bawahan organisasi dan jurucakap kepimpinan organisasi.
- iii. Pembuat keputusan yang memerlukan pemimpin berjiwa keusahawanan. Bertindak sebagai penyumbang kepada idea inovatif untuk perubahan organisasi, pembetulan ralat dan penasihat semasa berlakunya krisis, dan membantu untuk memperuntukkan tenaga serta sumber kewangan dengan bijak dalam organisasinya.

Berdasarkan definisi kepimpinan yang dikemukakan di atas, definisi ini dilihat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana definisi ini bersesuaian dengan konteks kajian

1.6.2 Pengurusan

Pengurusan boleh dilihat dari dua aspek asas dan pusat: sebagai sebahagian atau salah satu bahagian perniagaan, institusi, atau organisasi mahupun sebagai aktiviti mengurus dan menjalankan kerja dan perancangan organisasi dalam sebarang jenis ruang (walaupun ia digunakan terutamanya untuk bidang profesional). Seiring dengan terma lain, perkataan pengurusan dikaitkan dengan ruang kerja dan perniagaan kerana ia berkaitan dengan pemilikan sikap dan kebolehan menghasilkan keputusan yang bersesuaian dengan operasi sesebuah institusi atau organisasi.

William (2010) mendefinisikan pengurusan sebagai proses sistematik yang merangkumi perancangan, struktur organisasi, kawalan dan dorongan. Empat aktiviti pengurusan yang termasuk dalam definisi cadangan beliau ialah perancangan, struktur organisasi, operasi, dan kawalan. Perancangan bermaksud pengurusan melibatkan sikap proaktif dan semua tindakan dirancang terlebih dahulu melalui kaedah, logik atau rancangan. Keputusan tidak dibuat berdasarkan emosi seseorang. Struktur organisasi pula merujuk kepada pengurus yang menyelaraskan sumber manusia dan bahan dalam sesebuah organisasi. Tingkah laku bermaksud pengurus memotivasikan dan membimbing orang bawahannya, manakala mengawal pula merujuk pengurus berusaha untuk mengelakkan penyelewengan daripada piawaian dan norma yang ditetapkan dalam proses perancangan organisasi.

1.6.3 *Nerve Centre*

Nerve Centre ialah premis khusus yang direka untuk merancang, mengendalikan dan memantau keadaan semasa berhubung dengan wabak Corona virus (COVID19) dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Peranan

Nerve Centre juga termasuk penyebaran dan pengendalian maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan rancangan yang memerlukan pemantauan berterusan.

Nerve Centre juga boleh digunakan sebagai tempat untuk komunikasi, operasi harian, mengadakan sesi sumbangsaran, perbincangan, mempamerkan dan menempatkan semua sumber/rujukan yang berkaitan dengan COVID-19. *Nerve Centre* ialah nukleus dan kuasa penggerak di mana semua maklumat diterima, dikumpul, diproses, dianalisis dan diserahkan kepada portfolio yang berkaitan untuk tindakan yang sewajarnya. Oleh kerana sifat dan fungsinya, *Nerve Centre* adalah kawasan sulit dan terkawal. Mana-mana orang yang tidak berkaitan adalah dilarang memasuki kawasan/bilik. Semua kakitangan mesti ditapis terlebih dahulu, bersumpah untuk merahsiakan dan diberikan Pas Khas. *Nerve Centre* berada di bawah pengawasan Pegawai Keselamatan Universiti 24/7 untuk mengelakkan sebarang potensi atau masalah yang tidak dijangka yang mungkin timbul. Terma *Nerve Centre* diguna pakai dalam kajian ini kerana ia merupakan fokus utama kajian kerana terbentuknya *Nerve Centre* akibat daripada COVID-19.

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian ini ialah *Nerve Centre* yang ditubuhkan oleh USM semasa bermulanya pandemik COVID-19. Penelitian terhadap *Nerve Centre* di USM perlu dikenal pasti dari segi kepimpinan dalam pengurusanannya semasa pandemik tersebut. Analisis kajian ini dilaksanakan berdasarkan teori-teori yang digunakan sebagai bahan untuk melakukan analisis. Bagi batasan kajian pula, sekurang-kurangnya terdapat dua batasan kajian. Pertama, batasan subjek kajian, kedua batasan analisis kajian.

1.7.1 Batasan Kajian

Subjek kajian ini ialah penubuhan *Nerve Centre* di USM. Kajian ini memfokuskan kepada kepimpinan dalam pengurusan *Nerve Centre* semasa menguruskan pandemik COVID-19. *Nerve Centre* dijadikan analisis kajian kerana penyelidik ingin mengecilkan skop untuk kajian.

1.7.2 Batasan Analisis Kajian

Kajian keatas penubuhan *Nerve Centre* di USM ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Analisis kandungan dan maklumat digunakan terhadap data primer, sekunder dan kajian kepustakaan dilakukan kerana ingin memudahkan analisis kajian ini.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini bermanfaat dan penting untuk pihak pengurusan *Nerve Centre*, organisasi, seluruh warga kampus dan institusi-intitusi di Malaysia yang ingin melaksanakan serta menubuhkan *Nerve Centre* seperti yang telah dilakukan oleh USM. Kajian ini juga penting kerana dapat memenuhi lompong kajian dalam bidang yang berkaitan.

Kepentingan kajian adalah dapat memberikan kesan yang baik kepada kepimpinan dalam pengurusan. Lebih-lebih lagi USM mempunyai pelbagai pusat tanggungjawab yang boleh merujuk kepada kepimpinan pengurusan *Nerve Centre* yang menguruskan semua pekara secara menyeluruh semasa pandemik COVID-19. Tambahan lagi, kepimpinan dalam pengurusan juga penting tidak kira sama ada berlaku pandemik atau tidak, berkemungkinan pelbagai situasi dapat diambil berdasarkan kepimpinan pengurusan ini.

1.9 Sumbangan Kajian

Sumbangan disertasi ini adalah untuk penambahbaikan bagi USM dalam memantapkan kepimpinan dalam pengurusan. USM boleh menggunakan asas-asas kepimpinan dalam pengurusan yang dikaji ini supaya matlamat lebih jelas dan boleh diterima oleh semua pihak. USM juga boleh menjadi contoh salah satu institusi yang melakukan penubuhan yang mampu membawa kepada pengurusan yang baik dan mampu memimpin dan menjadi contoh bagi institusi yang lain.

1.10 Organisasi Tesis

Penulisan tesis ini mengandungi lima bab di mana bab pertama membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian. Bahagian ini juga membincangkan secara keseluruhan tentang penulisan ini.

Bab kedua pula membincangkan mengenai kajian-kajian lepas dan sorotan karya berkenaan dengan topik kajian. Bahagian ini melihat secara terperinci tentang lompong kajian-kajian lepas bagi membina kerangka kajian dalam penyelidikan ini.

Bab ketiga pula menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah penyelidikan yang diguna pakai dalam disertasi ini. Bahagian ini merangkumi sub topik reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan dapatan kajian.

Bab keempat pula melibatkan perbincangan mengenai penganalisan dapatan kajian berdasarkan data-data yang telah dikumpulkan dan diperolehi sama ada daripada sumber data primer mahupun sumber data skunder.

Akhir sekali, bab kelima dimana bahagian ini akan merumuskan secara terperinci penulisan disertasi ini. Malah bab ini juga merupakan bahagian penutup bagi penulisan tesis ini.

1.11 Kesimpulan

Keseluruhan bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pengenalan membincangkan ringkasan terhadap latar belakang dan tujuan kajian dilakukan. Dalam latar belakang kajian, ia memberi penjelasan terhadap kepimpinan dalam pengurusan *Nerve Centre* yang membawa kepada pernyataan masalah kajian. Seterusnya, objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan dalam bahagian ini boleh menjadi panduan bagi kajian ini. Definisi operasional turut dibincangkan dalam bab ini dan disusuli dengan skop serta batasan kajian ini. Kepentingan dan sumbangan kajian ini turut dinyatakan dalam bab ini serta organisasi tesis yang terakhir yang menjadi susunan keseluruhan tesis supaya tesis ini menjadi lebih kemas dan mudah untuk menjadi bahan rujukan bagi semua pihak.